



جابتن ائام إسلام فیراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(46)

Tarikh: 1 Zulkaedah 1446H
29 April 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	2 Mei 2025 / 4 Zulkaedah 1446
Tajuk	Itqan Dalam Pekerjaan – Kunci Keberkatan Rezeki

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

“PERAK SEJAHTERA 2030”



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"ITQAN DALAM PEKERJAAN – KUNCI KEBERKATAN REZEKI"

2 Mei 2025 / 4 Zulkaedah 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya; mensyukuri setiap nikmat kurniaan Illahi serta menginsafi bahawa kematian pasti berlaku. Mudah-mudahan dipermudahkan perhitungan kita di hadapan Rabbuljalil serta dihimpunkan kita dalam kalangan hamba Nya yang beriman. Bersempena sambutan Hari Pekerja, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: "**ITQAN DALAM PEKERJAAN – KUNCI KEBERKATAN REZEKI**"

'ITQAN' bermaksud, sikap berhati-hati, teliti, rapi, rajin dan cemerlang ketika mengambil tindakan menyempurnakan tanggungjawab ataupun tugas. Firman Allah SWT, ayat 27 surah al-Anfal:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾﴾

Bermaksud: "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul Nya serta janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu walhal kamu mengetahui (salahnya)"

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Bekerja adalah ibadah; ikhtiar mencari rezeki untuk mencapai kesejahteraan hidup. Bekerja membolehkan manusia memperoleh pendapatan yang dapat memenuhi keperluan menyara perbelanjaan diri dan keluarga, untuk makan minum, pakaian, tempat tinggal, perjalanan dan kenderaan, pendidikan, perubatan dan sebagainya. Mukmin yang bekerja dengan *itqan*, di samping memenuhi adab-adab pekerjaan adalah Mukmin terpuji, yang insya-Allah dikurniakan keberkatan harta dan ganjaran kebaikan di dunia dan di akhirat.

Islam menuntut umatnya untuk bekerja dan mencari sumber pendapatan yang halal. Islam menegah umatnya bersifat malas, tidak mahu bekerja atau sentiasa meminta-minta. Kelebihan yang besar disediakan buat Mukmin yang rajin bekerja semata-mata ingin menyempurnakan amanah selaras dengan sabda Rasulullah SAW:

مَنْ طَلَبَ الدُّنْيَا حَلَالًا اسْتِعْفَافًا عَنِ الْمَسْأَلَةِ ، وَتَعَطُّفًا عَلَى جَارِهِ ، وَسَعْيًا عَلَى عِيَالِهِ
جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَوَجْهُهُ مِثْلُ الْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ

Bermaksud; “Barang siapa mencari rezeki halal untuk menjaga diri daripada meminta-minta, dan dengan tujuan memenuhi nafkah keluarga, serta dapat membantu tetangganya, nescaya dia akan datang pada hari kiamat dengan wajahnya yang berseri-seri seperti bulan purnama”. (Hadis Riwayat al-Tabarani)

Memiliki pekerjaan merupakan anugerah Ilahi yang wajib disyukuri, juga amanah dari Allah SWT yang bakal dipertanggungjawabkan. Ayat 27 surah al-Anfal yang khatib bacakan pada awal khutbah; memperingatkan ummah terutama warga kerja agar tidak mengkhianati amanah pekerjaan, dengan maksud wajib melaksanakannya sebaik mungkin; insaf dan sedar bahawa bekerja ialah tanggungjawab untuk menyejahterakan kehidupan manusia, bukan untuk memenuhi kehendak nafsu, apatah lagi untuk kepentingan peribadi yang berlawanan dengan syariat.

Islam amat menitikberatkan nilai-nilai murni ketika bekerja. Prinsip *itqan* yang berusaha untuk memberi perkhidmatan terbaik, di samping mengamalkan nilai integriti, jujur dan amanah, wajib dijadikan amalan seiring dengan sabda Baginda SAW:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ

Bermaksud: Sesungguhnya Allah amat menyukai seseorang kamu yang apabila melakukan pekerjaan dia melakukan dengan bersungguh-sungguh.

(Hadis Riwayat Al-Tabarani)

Prinsip *itqan* akan melahirkan pekerja yang produktif – menghasilkan kualiti kerja yang cemerlang. Oleh itu, mimbar menyenaraikan beberapa nilai murni sifat pekerja yang *itqan*:

Pertama: Menghormati masa bekerja yang ditetapkan, datang dan pulang pada waktu yang ditetapkan, tidak menggunakan waktu bekerja untuk melayari kandungan media sosial yang tiada kaitan dengan urusan kerja, atau berada di kantin berbual kosong, atau berehat lebih daripada masa yang diizinkan.

Kedua: Beriltizam meningkatkan mutu perkhidmatan, kemahiran dan kepakaran dalam bidang kerja yang diamanahkan.

Ketiga: Tekun dan disiplin menyiapkan tugas yang diberikan dalam tempoh yang ditetapkan, tidak menangguhkan kerja, malah sentiasa berusaha mahu menghasilkan kerja yang berkualiti.

Keempat: Berniat kerja sebagai ibadah, disempurnakan kerja dengan hati yang tenang dan riang; berjaya membina kesefahaman dan semangat berpasukan dengan rakan sekerja, serta reda dengan rezeki yang halal.

Kelima: Memiliki minda terbuka – sikap profesional, bersedia menerima cabaran, cepat belajar perkara baharu, mampu berkongsi idea dan pembaharuan dengan rakan sekerja.

Keenam: Mengamalkan budaya berjimat cermat, memastikan tidak berlaku pembaziran sumber dan khazanah milik pejabat atau majikan.

Ketujuh: Bersifat jujur, ikhlas dan amanah; tidak menyalah guna kuasa, tidak melakukan penyelewengan dan tidak melakukan rasuah.



Islam mengiktiraf pekerjaan sebagai ibadah jika dilakukan dengan niat semata-mata mengharapkan keredaan Ilahi, serta kerja dilakukan secara bersungguh-sungguh dan memenuhi amanah. Negara bakal menikmati pencapaian gemilang dalam pelbagai bidang jika warga kerja di pelbagai peringkat sentiasa membudaya dan mengamalkan sifat *itqan*.

Jemaah Rahimakumullah

Bekerja secara *itqan*, serta ikhlas dan jujur menyempurnakan amanah menandakan kepatuhan seorang hamba kepada Tuhannya dan akan menyebabkan rezeki menjadi berkat. Islam sangat menitikberatkan soal memperoleh harta dari sumber yang baik selaras sabda Rasulullah SAW:

لا تَزُولُ قَدَمًا عَبْدٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ عُمُرِهِ؛ فِيمَ أَفْنَاهُ؟ وَعَنْ عِلْمِهِ؛
فِيمَ فَعَلَ فِيهِ؟ وَعَنْ مَالِهِ؛ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ؟ وَفِيمَ أَنْفَقَهُ؟ وَعَنْ جِسْمِهِ؛ فِيمَ أَبْلَاهُ؟

Bermaksud: Tidak berganjak kaki seorang hamba di hari akhirat sehinggalah dia ditanya tentang umurnya bagaimana dihabiskan? tentang ilmunya bagaimana dia manfaatkan? tentang hartanya dari mana dia mendapatkannya dan ke mana dia belanjakan? tentang tubuhnya bagaimana digunakan? (Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Penting dipastikan harta diperoleh mendapat berkat kerana harta tersebut kita gunakan untuk menyara diri dan ahli keluarga, memberi makan minum, menyediakan tempat tinggal, membeli pakaian dan keperluan harian yang keseluruhannya bersangkutan dengan hal ibadah. Walaupun keberkatan harta perkara batiniah yang sukar diukur secara lahiriah, namun keberkatan boleh dirasakan melalui pelbagai kebaikan dan rasa tenang dalam kehidupan.

Harta yang berkat menjadikan seseorang itu merasa cukup sekali pun harta yang diperoleh sedikit. Harta yang berkat menjadi asbab doa diterima dan dimakbulkan oleh Allah SWT; berbanding harta yang banyak tetapi tidak berkat, bukan sahaja seseorang itu merasakan tidak cukup, malah dibelenggu rasa keluh kesah, terus bersifat tamak, dengki dan hasad, malah merasa berat untuk menunaikan kewajipan seperti menunaikan nafkah, membayar zakat, berwakaf dan bersedekah.



Bersempena sambutan Hari Pekerja pada 1 hari bulan Mei, mimbar menyeru seluruh warga kerja agar terus menabur bakti, berkhidmat untuk negara. Didoakan warga kerja dikurniakan kekuatan dan kesihatan, memenuhi amanah dengan niat beribadah semata-mata kerana Allah SWT, melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan kesungguhan, dikurniakan kebijaksanaan dan perlindungan keselamatan serta diganjar rezeki yang berkat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ
إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ
أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah! Ya Rabbal Alamin! berkatilah pekerjaan yang kami lakukan. Bimbing kami untuk bersungguh-sungguh menunaikan amanah pekerjaan. Jauhi kami memperoleh harta daripada sumber yang tidak halal. Mudah-mudahan rezeki yang halal – harta yang berkat menjadikan kami hamba Mu yang ikhlas mengabdikan diri kepada Mu semata-mata inginkan keampunan dan keredaan Mu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.